

Laporan Audit: BSN menyiasat

Tidak perlu tunggu arahan: Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat — Biro Siasatan Negara sentiasa membuat terhadap penyelewengan yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara dan meneruskan siasatan berkenaan sekiranya terdapat bukti sewajarnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengangkan di Dewan Rakyat hari ini, tidaklah perlu bagi kerajaan mengeluarkan arahan tertentu mengenai perkara sedemikian di masa depan. Beliau menjelaskan demikian sewaktu menjawab soalannya Enik P. Pato (MPP-Mencelembu) yang in-

gin tahu sama ada BSN diarah menyiasat penyelewengan yang tercermin dalam setiap Laporan Ketua Audit Negara.

Sekiranya tiada amalan sedemikian sekarang, tambah Enik Pato, bolehkah kerajaan mengeluarkan arahan supaya setiap Laporan Ketua Audit Negara di siasat rapi oleh BSN di masa depan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "BSN memang sentiasa menyiasat setiap Laporan Ketua Audit Negara. Tetapi siasatan menyeluruh yang selanjutnya bergantung kepada hasil siasatan awal.

Tuduhan melu

"Oleh itu tidaklah perlu kerajaan mengeluarkan arahan baru kepada BSN mengenai perkara ini.

Perdana Menteri selanjutnya menaibahkan Enik V. David (DAP-Damansara) supaya jangan menempatkan tuduhan melu mengenai rasuah tanpa bukti-bukti nyata.

Beliau mengangkan demikian kepada soalan Enik David sama ada kerajaan akan menubuhkan

satu unit khas di BSN untuk menyiasat setiap ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli Majlis Pempatan serta kakitangan kerajaan untuk memastikan "mereka tidak menyalahgunakan kuasa umpamanya membeli harta dengan menggunakan nama kaum keluarganya.

Kepada soalan utama oleh Haji Amping Puyon (BN-Labuk Sugut) Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Dalam masa setahun yang lalu, BSN telah menjalankan 1,027 siasatan.

"Berikutan siasatan itu BSN menangkap 178 orang yang terlibat dalam rasuah yang mana BSN mempunyai buktinya.

"Saya tidak dapat memberitahu tentang bilangan dan jumlah wang yang terlibat dalam mana-mana kes yang sedang diasiasat kerana apa-apa perkara yang sedang diasiasat adalah menjadi perkara rahsia."

Haji Amping bertanya sejauh manakah BSN berjaya dalam siasatannya terhadap kes rasuah atau penyelewengan sejak setahun lalu dan berapa kes pula sedang diasiasat serta jumlah wang dan mereka yang terlibat.

Enik Lim Kit Siang (DAP-Petaling) kemudiannya bertanya sama ada Kerajaan menyedari salah satu kelemahan BSN ialah lewat menjalankan siasatan kes-kes yang dilaporkan oleh orang ramai.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, siasatan BSN bukan dimulakan secara terus menerus menemui pihak yang disyaki. Sebaliknya, siasatan awal dijalankan di pejabat.

Perdana Menteri juga menaikan BSN lewat dalam menjalankan sesuatu siasatan. Kanyanya, kebanyakan kes yang dilaporkan kepada biro berkenaan, mustahil ia dapat dijalankan, umpamanya, "sebaik saja ahli yang berkenaan membuat tuduhan di Dewan Rakyat."

Datuk Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar) pula ingin tahu sama ahli politik dan pegawai Kerajaan peringkat negeri di antara mereka yang terlibat tahun lalu.

Terlibat

"Memang terdapat ahli politik dan pegawai Kerajaan yang terlibat tetapi sama ada berpangkat tinggi, terserahlah kepada pertimbangan Yang Berhormat sendiri," jawabnya.

Enik Lee Kaw (DAP-Kluang) bertanya sama ada Perdana Menteri akan pergi ke Hong Kong dan Singapura untuk meninjau betapa ketatnya undang-undang mencegah rasuah di negara-negara berkenaan. Datuk Seri Dr. Mahathir menaikan BSN tidak cukup kuasa atau undang-undang tidak ketat.

Katanya, dari beribu kes yang diasiasat oleh BSN, hanya sambilan kecil mempunyai bukti nyata. Ini menunjukkan banyak kes yang diterima oleh BSN tidak berasas dan timbul dari rasa irih hati yang mengada.

Oleh itu, katanya, keadaan sedemikian tidak dapat diterima BSN tidak cukup kuasa.

Bahan asal dari Arif
Negara Malaysia